

Cara Suhakam dicurigai

BH 31 AUG 2011

KUALA LUMPUR, Khamis — Tafsiran mengknai hak asasi manusia tidak wajar dibuat secara umum, sebaliknya perlu dirumuskan dengan mengambil kira budaya, latar belakang serta cara hidup rakyat sesebuah negara.

Sehubungan itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, menasihati Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) supaya berhati-hati apabila merakamkan sesuatu pendapat yang kononnya membabitkan pencabulan hak asasi.

Mengulas laporan Suhakam mengenai tindakan polis menyuraikan perhimpunan haram di Lebuhraya Kesas, Shah Alam pada 5 November lalu, beliau berkata cara Suhakam merakamkan peristiwa yang kononnya membabitkan kekerasan polis itu boleh dicurigai.

“Segala yang dipaparkan dalam laporan berkenaan cuba menaikkan semangat

sesuatu pihak. Justeru, kerajaan berpendapat mereka mengemukakannya bagi menimbulkan sentimen politik dengan menggunakan hak asasi sebagai alasan.

“Oleh itu, Suhakam tidak mengikut tata cara yang tetap dan sebahagian besar saksi dalam laporan kepada mereka dibuat secara tangkap muat dan tidak mematuhi prosedur seperti mana sesuatu suruhanjaya merakamkan bukti.

“Nampaknya Suhakam lebih berpenghulukan kepada jenis hak asasi manusia ikutan Barat yang hingga kini boleh dipertikaikan atas dasar jenis hak asasi itu sendiri,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Laporan Suhakam setebal 66 muka yang merumuskan bahawa anggota polis melakukan beberapa pencabulan hak asasi ketika menyuraikan perhimpunan anjuran pakatan pembangkang itu dikeluarkan

minggu lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai dan Rais masing-masing sudah menerima salinan laporan terbabit.

Semalam, Norian menyifatkan laporan Suhakam sebagai berat sebelah dan tuduhan yang dilemparkan itu tidak berpijak di bumi nyata.

Sebelum ini, Dr Mahathir berkata laporan Suhakam itu banyak dipengaruhi pemikiran Barat dan bukan bagi kepentingan negara.

Rais berkata, beliau tidak fikir laporan itu mampu menjejaskan imej negara kerana pada hakikatnya, polis tidak boleh berdiam diri atau berlembut kepada orang ramai yang bertegas dan garang seperti dalam perhimpunan haram itu.

“Bagaimanapun, jika terpaksa polis sememangnya dibenar menggunakan se-

dikit kekerasan di bawah Seksyen 27 Akta Polis bagi meredakan keadaan atau mengelakkan insiden lebih buruk berlaku.

“Pihak kerajaan tidak bercadang mengumumkan apa-apa langkah khusus tetapi hanyasekadar menasihati Suhakam supaya berhati-hati bila membuat laporan seumpama ini di masa depan,” katanya.

Rais menjelaskan, di muka pertama laporan itu, Suhakam merujuk perenggan waad antarabangsa yang tidak mengikut perlembagaan negara dan ternyata bahawa mereka lebih bertuankan kepada waad asing yang dirangka Amerika Syarikat atau Eropah.

Beliau berkata, kerajaan lebih berminat sekiranya waad itu mirip kepada Bahagian Kedua Perlembagaan Persekutuan di mana termaktub Perkara 9 serta Perkara 10 berkaitan kebebasan dengan had tertentu.